

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

SOALAN :

DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pengundi bagi setiap kawasan Parlimen berdasarkan daftar pemilih yang terkini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Kedua Tahun 2014 yang telah dikemaskini sehingga 15 September 2014 dan diwartakan pada 24 September 2014, jumlah keseluruhan pemilih yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sehingga Suku Tahun Kedua 2014 adalah sebanyak **13,399,556** orang pemilih.

Terdapat pertambahan dan pengurangan di kalangan pemilih bagi kawasan Parlimen di seluruh negara pada setiap suku. Daftar Pemilih Induk dan Daftar Pemilih Tambahan bagi setiap suku tahun yang merangkumi jumlah keseluruhan pemilih boleh diperolehi di ibu pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya di Putrajaya dan juga di semua Pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.